

Berita Minggu, Ahad, 9 Ogos, 1981

PM: Tentukan sikap demi parti dan negara

KUALA LUMPUR, Sabtu.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad hari ini mengarahkan para Menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri dari UMNO menentukan sikap, tanggungjawab dan peranan masing-masing terhadap parti dan negara.

Perdana Menteri berkata, di bawah kabinet barunya, tanggungjawab mereka terhadap parti perlu diutamakan sebagai langkah ke arah menguatkan jentera pentadbiran negara.

Penjelasan yang berbentuk arahan ini dikeluarkan sewaktu mempengerusikan Mesyuarat Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO di Ibupejabat UMNO, di sini.

Di mesyuarat itu, Datuk Seri Dr. Mahathir juga menerangkan sikap dan

pendirian UMNO terhadap dasar luar negeri, di samping memberitahu sebab-sebab 21 tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri dibebaskan, minggu lalu.

"Kami juga tidak membincangkan usaha Koop Bersatu membeli dan mengambil-alih Hotel Abad Century yang akan dijadikan pejabat," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Di mesyuarat tertutup hampir tiga jam itu, Presiden UMNO juga mengumumkan perantikan enam anggota bagi menduduki Majlis Tertinggi.

Mereka termasuk Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat yang tidak dipilih dalam Perhimpunan Agung UMNO, akhir Jun lalu.